



**UNTUK SIARAN SEGERA:
JKKN TERUS MEMPERKASAKAN SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

KUALA LUMPUR, 16 Mac – Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merancang untuk melaksanakan program-program kebudayaan dan kesenian pada tahun ini berteraskan lima teras program utama iaitu Asuhan Seni dan Budaya, Pemuliharaan Seni dan Budaya, Jangkauan Seni Budaya (JSB) dan Pengukuhan Seni dan Budaya untuk tahun 2018.

Ketua Pengarah JKKN, Tan Sri Norliza Rofli berkata, semua aktiviti tersebut dilaksanakan melalui 3 sektor utama di ibu pejabat iaitu Sektor Pentadbiran dan Kewangan, Sektor Kebudayaan dan Kesenian dan Sektor Dasar dan Perancangan serta 14 JKKN Negeri dengan pengemblengan tenaga seramai 340 orang pegawai dan kakitangan tetap JKKN.

Di samping itu, pengurusan dan pelaksanaan program dimantapkan lagi dengan adanya 11 buah Kompleks JKKN Negeri yang memberi kemudahan dan ruang untuk mengisi pelbagai aktiviti seni budaya di peringkat negeri.

JKKN juga mendapat kerjasama secara NBOS (Strategi Lautan Biru Kebangsaan) daripada pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan, agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat swasta seluruh negara, malah dengan penyertaan dan keterlibatan khalayak dan penggiat seni dari pelbagai latar belakang dengan jumlah keseluruhan khalayak dan peserta adalah 1,528,405 juta orang yang melibatkan peserta di dalamnya seramai 199,933 orang.

Untuk tahun lepas, JKKN berjaya melaksanakan 370 program berperuntukan, dengan bebanan sebenar sebanyak 905 aktiviti dengan penglibatan peserta seramai 199,933 orang.

Dari segi khalayak pula, JKKN berjaya mencapai seramai 1,528,405 orang khalayak fizikal dan 7,423,813 orang khalayak maya.

Untuk tahun ini, JKKN menetapkan bahawa program-program yang dilaksanakan hendaklah memberi impak kepada masyarakat di semua peringkat terutamanya golongan remaja, belia, kanak-kanak serta orang dewasa.

Peluasan skop melalui program-program teras sedia ada ini dirangka untuk menangani hala tuju Negara terkini yang merangkumi Dasar Industri Kreatif Negara, NBOS, Seni Budaya untuk Penjana Ekonomi sekali gus Menyemarakkan 'Program Pelancongan Budaya' dan Seni Budaya Untuk Kesejahteraan Rakyat.

Sebanyak 10 program baru di bawah inisiatif baru JKKN untuk tahun 2018 iaitu program JOM Belajar! di bawah ASUHAN KEMAHIRAN SENI, Konsert PERMATA Seni, serta Pertandingan Teater Bahasa Melayu SJK Tamil, Pertandingan Teater Bahasa Melayu SJK Cina dan Kejuaraan Tari Kanak-kanak Malaysia kali pertama di bawah program Gilap Bakat Muda.

Manakala di bawah elemen PULIHARA SENI BUDAYA program baru yang akan dilaksanakan ialah Festival Seni Hampir Pupus '*Dying Arts Festival*'. Program-program lain di bawah elemen ini ialah Perantisan, Pemetaan Budaya dan Panggung Seni Tradisional memperuntukkan sebanyak 7 slot pementasan diteruskan seperti biasa.

Di bawah elemen WACANA ILMU, terdapat lapan (8) program yang disenaraikan iaitu *2nd International Conference on Dance Education (2nd ICONDE)*, Siri Jelajah Interaksi Seni yang merangkumi aspek Dialog Usahawan Seni bersama Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (Cendana) dan MyCreative Venture, pelbagai pertandingan, perkhidmatan kaunter bergerak kerajaan dan swasta juga aktiviti Jom Belajar. Tidak ketinggalan program Sembang Santai, Siri Syarahan Budaya, program Serlahan Budi, Siri Syarahan Budaya dan juga Seni@Kasih yang berkonsep komuniti.

Manakala di bawah elemen SEMARAK SENI BUDAYA – dengan jumlah kekerapan 291 persembahan merangkumi persembahan 'The Colours of Malaysia' oleh Kumpulan Kesenian JKKN seluruh Negara, Siri Semarak Bangsawan dan Panggung Seni Tradisional 2018 (PST).

Di bawah elemen KEUSAHAWANAN, program Arts Market 2018 akan dilaksanakan dengan kerjasama Georgetown Festival. JKKN juga di bawah inisiatif baru ini turut dengan bangganya mengumumkan 15 program di

bawah elemen Semarak Pelancongan Budaya menjelang Melawat Malaysia 2020.

Program terdekat di bawah Semarak Pelancongan Budaya ini ialah Pesta Chenor, Pahang (27- 29 April) diikuti IFTAR@Kuala Lumpur (26 & 27 Mei, 2 & 3 Jun, 9 & 10 Jun).

Di bawah elemen SENI CEMERLANG, program-program sedia ada JKKN yang dijadualkan secara dwi tahunan akan diadakan pada 2018 iaitu Inspitari, Pertandingan Nyanyian Lagu-lagu Melayu Antarabangsa (PALMA 2018) (5 & 6 Oktober), Festival Teater Malaysia (15 - 21 Oktober), Koir Kebangsaan Malaysia 'WAJAH' (17 & 18 November).

Bersempena majlis ini, Norliza turut melancarkan buku bergambar *JKKN 60 tahun Semaraknya Seni Budaya*. Buku ini memaparkan tentang perkembangan kebudayaan bermula dari tahun 1957 hingga sekarang (2018) melalui program-program yang dilaksanakan oleh kementerian dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Pelbagai program dilaksanakan dan dijadikan landasan untuk membawa seni kepada masyarakat serta merangsang perkembangan seni budaya dan pengekalan warisan. Buku ini turut menggambarkan tentang kejayaan seni budaya Malaysia melalui lembaran pencapaian mantan menteri, pegawai pengurusan tertinggi kementerian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan khususnya di Bahagian Kebudayaan pada era itu.

JKKN terus mengorak langkah memperkasa dan memperkemaskan agenda bersesuaian dengan lonjakan Revolusi Perindustrian dengan menyediakan pelan kondusif pembangunan aspek kandungan digital dengan memperkasakan sistem Rangkaian Media Sosial JKKN (saluran TV YouTube, Twitter, Facebook, Instagram dan aplikasi Telegram) yang dikenali sebagai MySeniBudaya.

Unit Komunikasi Korporat JKKN akan terus menyebarkan maklumat kandungan seni budaya Negara dan penggunaan infografik menerusi rangkaian ini dan berhasrat membuka saluran TV MySeniBudaya JKKN di rangkaian maya tidak lama lagi.

JKKN ialah sebuah agensi yang menjalankan aktiviti kebudayaan dan kesenian di Malaysia.

Dari berbagai kebudayaan yang ada sebagai generasi muda Malaysia, patutnya kita bangga dan berusaha menghalau budaya-budaya luar yang mampu menghakis kearifan budaya dengan semangat juang dan nilai dasar Rukunegara. – UKK JKKN

– UKK JKKN

Disediakan oleh:

EZLINA ALIAS

Pengarah

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

No. Telefon : 03-2614 8200 samb. 8323

No. Faksimile : 03-2697 0786

No. H/P : 012-287 3461

Email : ezlina@ymail.com